

Rekonstruksi Pemikiran Sastera Islam Melalui Gagasan Persuratan Baru Janaan Mohd Affandi Hassan

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 318-331
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 24 September 2025
Accepted: 24 Oktober 2025
Published: 11 November 2025

[The Reconstruction Of Islamic Literary Thought Through Persuratan Baru By Mohd Affandi Hassan]

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi^{1*}, Muhammad Hakim Kamal,² Amirah Ahmad Zain¹
& Khairul Asyraf Mohd Nathir¹

- 1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-mail: adiamzar@usim.edu.my; amirah.ahmadzain@usim.edu.my; khai.asyraf@usim.edu.my
- 2 Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-mail: hakimkamal@usim.edu.my

*Corresponding Author: adiamzar@usim.edu.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan gagasan Persuratan Baru yang diasaskan oleh Mohd Affandi Hassan sebagai satu pendekatan baharu dalam memahami dan menilai kesusasteraan Melayu-Islam. Lahir daripada keprihatinan terhadap kecenderungan teori sastera moden yang dipengaruhi pemikiran sekular Barat, gagasan ini menegaskan keperluan mengembalikan nilai Islam sebagai asas epistemologi dan estetika dalam dunia persuratan. Melalui tiga prinsip utama iaitu elemen taklif (pertanggungjawaban), ilmu yang benar, dan siratan makna yang halus serta indah, Mohd Affandi Hassan menyeru agar pengarang dan pengkritik berperanan sebagai khalifah ilmu yang memikul amanah untuk menyampaikan kebenaran melalui karya yang sarat nilai rohani dan intelektual. Gagasan ini menolak karya yang hanya bersifat hiburan atau lahir daripada hawa nafsu, sebaliknya menekankan bahawa persuratan mesti berteraskan wahyu dan akal yang seimbang. Secara keseluruhannya, Persuratan Baru bukan sekadar teori sastera, tetapi satu sistem pemikiran Islam yang holistik, yang menggabungkan aspek etika, epistemologi, dan estetika bagi mengembalikan fungsi sastera sebagai wadah ilmu, dakwah, dan pencerahan akal budi.

Kata kunci: Mohd Affandi Hassan, Persuratan Baru, sastera Islam, taklif, ilmu yang benar, estetika Islam

Abstract

This paper discusses the concept of *Persuratan Baru* (New Letters/Writing), founded by Mohd Affandi Hassan, as a novel approach to understanding and evaluating Malay-Islamic literature. Arising from a concern over the tendencies of modern literary theory, which is influenced by Western secular thought, this concept asserts the necessity of reinstating Islamic values as the epistemological and aesthetic foundation of literature. Through its three core principles—the element of *taklif* (accountability), true knowledge (*ilmu yang benar*), and the subtle and beautiful weaving of meaning—Mohd Affandi Hassan calls for authors and critics to assume the role of *khalifah* of knowledge, who bear the trust of conveying truth through works rich in spiritual and intellectual value. This concept rejects literature that is merely entertaining or born of base desires, emphasizing instead that writing must be grounded in revelation and balanced reason. Overall, *Persuratan Baru* is not merely a literary theory, but a holistic Islamic intellectual system that integrates aspects of

ethics, epistemology, and aesthetics to restore the function of literature as a vessel for knowledge, propagation of faith (*dakwah*), and the enlightenment of the intellect and character.

Keywords: Mohd Affandi Hassan, *Persuratan Baru*, Islamic literature, *taklif*, true knowledge, Islamic aesthetics



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Muhammad Hakim Kamal, Amirah Ahmad Zain & Khairul Asyraf Mohd Nathir. (2025). Rekonstruksi Pemikiran Sastera Islam Melalui Gagasan Persuratan Baru Janaan Mohd Affandi Hassan [The Reconstruction Of Islamic Literary Thought Through Persuratan Baru By Mohd Affandi Hassan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 318-331.

Pengenalan

Perkembangan kesusasteraan Melayu moden tidak dapat dipisahkan daripada usaha para sarjana dan pengarang yang berusaha mengangkat kembali nilai keislaman dalam dunia persuratan. Dalam konteks ini, Mohd Affandi Hassan muncul sebagai tokoh yang membawa pembaharuan besar melalui gagasan sastera Islaminya yang kemudian dikenali sebagai Persuratan Baru. Gagasan ini lahir sebagai respons terhadap kelemahan sistem kritikan sastera arus perdana yang dilihat terlalu bergantung kepada teori Barat serta gagal menilai karya berdasarkan prinsip ilmu dan kebenaran menurut Islam. Melalui pemikiran yang matang dan analisis yang mendalam, Mohd Affandi berusaha meletakkan kembali asas keilmuan Islam sebagai tunjang kepada penulisan dan penilaian karya kreatif, agar kesusasteraan berfungsi bukan sekadar sebagai medium hiburan, tetapi sebagai wahana ilmu dan pencerahan rohani.

Artikel ini menelusuri latar belakang yang mencetuskan kelahiran gagasan sastera Islami Mohd Affandi Hassan dengan menyoroti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pemikiran beliau, termasuk keprihatinan terhadap kegagalan sistem kritikan sastera sedia ada dan keinginan untuk mengembalikan tradisi persuratan dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Perbincangan ini turut menampilkan bagaimana gagasan Persuratan Baru berkembang daripada idea asas kepada satu sistem pemikiran yang komprehensif dan berpengaruh dalam membentuk arah baharu kesusasteraan Melayu-Islam kontemporari.

Latar Belakang Pencetusan Gagasan Sastera Islami Mohd Affandi Hassan

Bahagian ini menelusuri secara mendalam latar belakang serta faktor yang mendorong Mohd Affandi Hassan merangka gagasan sastera Islaminya, yang kemudian dikenali sebagai Persuratan Baru. Secara keseluruhan, gagasan yang bersifat idealistik ini telah mencapai tahap kematangan dan kekuatan intelektual yang tinggi, menjadikannya satu aliran pemikiran yang berupaya membawa perubahan realistik terhadap kerangka kesusasteraan moden di Malaysia.

Mohd Faizal (2015) turut mengakui ketokohan Affandi dalam membina pengaruh tersendiri melalui Persuratan Baru sehingga meninggalkan impak besar dalam dunia sastera tempatan. Namun begitu, gagasan ini tidak muncul secara spontan, sebaliknya digerakkan oleh beberapa faktor penting. Berdasarkan kandungan utama buku *Gagasan Persuratan Baru* (2014), Affandi mengenal pasti dua punca utama yang menjadi asas kelahiran gagasan tersebut, iaitu pertama berkenaan kegagalan sistem kritikan sastera sedia ada untuk berpaksikan kebenaran menurut Islam. Dan kedua berkenaan keinginan mengembalikan semula konsep serta amalan persuratan dalam tradisi kesusasteraan Melayu.

Dari segi faktor pertama, Affandi berpandangan bahawa sistem penilaian kritikan sastera di Malaysia mengalami kegagalan dalam menentukan kaedah yang tepat untuk menilai karya kreatif secara ilmiah dan objektif. Menurut beliau, kelemahan ini berpunca daripada kekeliruan dalam penggunaan skema penilaian oleh pihak berautoriti, khususnya dalam proses pengiktirafan dan penganugerahan kepada para sasterawan. Antara perkara yang dipersoalkan Affandi ialah kriteria pemilihan tokoh-tokoh bagi gelaran Sasterawan Negara. Beliau menegaskan bahawa penilaian yang dilakukan tidak berpaksikan prinsip ilmu dan objektiviti yang sebenar, sebaliknya lebih bersifat subjektif dan longgar. Dalam petikannya (Mohd Affandi, 2014a), beliau menekankan keperluan suatu kaedah ilmiah yang benar agar proses penilaian sastera tidak terjebak dalam kekeliruan yang menyesatkan.

Affandi secara terbuka menyatakan rasa tidak puas hati terhadap metodologi dan piawaian penilaian Anugerah Sastera Negara yang menurutnya terlalu condong kepada pendekatan Barat dan mengabaikan asas keislaman. Dalam petikan lain (Mohd Affandi, 2014a), beliau menegaskan bahawa pandangan panel anugerah yang menganggap plot dan mesej tidak penting, tetapi hanya menitikberatkan teknik penulisan Barat, merupakan satu kesilapan besar. Pandangan ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh kritikan Barat telah mendominasi sistem penilaian sastera tempatan, hingga menafikan nilai kebenaran yang menjadi tunjang Islam.

Sebagai contoh, Affandi menyoroti karya *Salina* (A. Samad Said), yang dijadikan karya agung oleh panel Anugerah Sastera Negara. Novel ini, yang berteraskan pendekatan realisme Barat, menonjolkan watak pelacur sebagai pusat penceritaan. Walaupun secara estetika ia dianggap berjaya menimbulkan empati pembaca, dari sudut pandang Islam, pendekatan sedemikian dianggap tidak sesuai kerana realisme Barat berteraskan akal dan nafsu, bukan wahyu. Justeru, Affandi berpendapat bahawa pemilihan *Salina* sebagai karya besar memperlihatkan kegagalan sistem kritikan sastera negara yang tunduk kepada nilai Barat dan mengabaikan prinsip moral Islam. Pandangan ini turut disokong oleh sarjana seperti Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd Zariat Abdul Rani yang menilai bahawa watak pelacur berhati mulia dalam *Salina* bertentangan dengan nilai moral Islam (Mohd Zariat, 2014). Kesimpulannya, sistem penilaian sastera yang tidak berpaksikan Islam menyebabkan proses kritikan menjadi tidak objektif dan kehilangan integriti ilmiah.

Selain itu, Affandi turut membahaskan karya *Juara* oleh S. Othman Kelantan yang menjadikan perlagaan lembu dan perjudian sebagai latar utama. Menurutny, pengkritik wajar terlebih dahulu meneliti kedudukan hukum aktiviti tersebut dalam Islam sebelum menilai karya secara menyeluruh (Mohd Affandi, 2014a). Hal ini penting bagi memastikan naratif karya tidak bertentangan dengan hukum syarak. Berdasarkan pemerhatian beliau, kebergantungan kepada teori kritikan Barat yang tidak disaring melalui neraca Islam telah menyebabkan penilaian karya menjadi pincang dan tidak berimbang. Justeru, untuk mengatasi masalah tersebut, Affandi

memperkenalkan gagasan Persuratan Baru sebagai satu sistem alternatif yang menegakkan konsep ilmu dan kebenaran bersumberkan wahyu Allah S.W.T, agar setiap hasil penilaian bersifat sahih, objektif dan berteraskan keimanan.

Faktor kedua pula berkait dengan hasrat Affandi untuk menghidupkan kembali konsep persuratan dalam dunia kesusasteraan Melayu. Menurut beliau, tradisi kesusasteraan moden terlalu berpusat pada emosi dan perasaan, seringkali menonjolkan sisi tragedi yang berakhir dengan kesedihan semata-mata. Karya seperti *Salina* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* menjadi contoh aliran ini, di mana pengarang gagal menampilkan kebijaksanaan intelektual, sebaliknya memperlihatkan kelemahan watak semata. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengarang Melayu cenderung berkiblatkan pemikiran Barat dan menulis berasaskan dorongan emosi, bukan ilmu. Akibatnya, wujud kekosongan karya yang benar-benar berteraskan ilmu dan mesej pencerahan. Affandi melihat kecenderungan ini sebagai satu bentuk kejumudan intelektual yang harus diperbetulkan melalui gagasan baharu yang berteraskan konsep persuratan Islami.

Berasaskan kesedaran tersebut, beliau tampil memperkenalkan Persuratan Baru, yang mengangkat kembali elemen persuratan dalam erti kata ilmu yang benar dan berwacana, berasaskan pemikiran serta nilai didaktik Islam. Menurut Mohd Affandi (2014c), persuratan berbeza dengan kesusasteraan kerana persuratan berakar daripada ilmu yang benar dan membawa wacana berfokuskan hikmah serta pengajaran. Ilmu tersebut berpaksikan Al-Qur'an, yang turut mengandungi pelbagai genre penceritaan bersifat *ta'dib* (mendidik). Kisah Nabi Yusuf dalam Surah Yusuf, misalnya, merupakan contoh terbaik model persuratan Islami kerana bukan sahaja mengandungi naratif yang indah, tetapi juga nilai moral dan pengajaran yang mendalam. Pendekatan ini jauh berbeza daripada konsep kesusasteraan Barat yang hanya mementingkan emosi dan estetika tanpa memperhatikan pembangunan akhlak dan jiwa pembaca.

Secara keseluruhan, kelemahan sistem kesusasteraan Melayu moden berpunca daripada sikap para pengkritik yang masih terperangkap dalam metodologi Barat dan gemar mengangkat karya picisan yang tidak berpaksikan kebenaran. Untuk mengatasi krisis ini, Affandi melahirkan Persuratan Baru sebagai gagasan sastra Islami yang mapan dan dinamik. Langkah ini juga merupakan usaha meneruskan kesinambungan tradisi persuratan Islam yang pernah diasaskan oleh tokoh-tokoh agung seperti Raja Ali Haji, Hamzah Fansuri, dan Nuruddin al-Raniri. Dalam konteks moden, kebangkitan semula tradisi persuratan ini penting bagi membendung dominasi karya yang anti-ilmu dan bersifat Barat.

Sebagai langkah awal, Affandi menulis *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (1992), yang menjadi pengenalan kepada gagasan Persuratan Baru dengan menekankan tiga teras pemikiran utama iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, serta hakikat dan fungsi sastra. Seterusnya, buku *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu* (1994) ditulis sebagai respons terhadap syarahan Profesor Muhammad Haji Salleh. Akhirnya, melalui penyusunan idea yang lebih matang, beliau menerbitkan karya utama *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* (2008). Buku ini turut diperkuat oleh dua sarjana terkemuka, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Mohd Zariat Abdul Rani, yang terus memperkukuh kedudukan Persuratan Baru sebagai gagasan sastra Islami yang relevan dan berpengaruh. Meskipun berdepan kritikan, gagasan ini kekal utuh dan terus menjadi rujukan penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu kontemporari.

Elemen Taklif atau Ketangggungjawaban sebagai Asas Utama

Bahagian ini menghuraikan prinsip pertama dalam *Gagasan Persuratan Baru* yang menjadi teras perjuangan Mohd Affandi Hassan dalam usaha memartabatkan serta mengangkat kembali maruah kesusasteraan Islami di Malaysia. Prinsip tersebut ialah penerapan elemen taklif atau pertangggungjawaban sebagai asas utama dalam penghasilan karya sastera. Dari segi bahasa, istilah taklif membawa maksud pemberian beban tugas atau tanggungjawab berat kepada seseorang (Kamus Dewan, 2013). Manakala tanggungjawab pula bermaksud kewajipan yang perlu dipikul oleh individu tertentu (Kamus Dewan, 2013). Secara ringkasnya, taklif boleh difahami sebagai suatu bentuk amanah dan tugas yang mesti dilaksanakan dengan penuh kejujuran serta integriti.

Kajian Muhammad Atiullah (2015) turut memperincikan perbandingan antara konsep tanggungjawab menurut Ibn Taimiyyah dan ahli falsafah Barat, Immanuel Kant. Dalam perbandingan tersebut, Ibn Taimiyyah menggunakan istilah *al-taklif* bagi menggambarkan maksud tanggungjawab, manakala Kant menggunakan istilah *duty*. Walaupun kedua-duanya mengandungi unsur kewajipan, namun perbezaan ketara terletak pada sumber rujukannya iaitu *al-taklif* berpaksikan perintah Ilahi, sedangkan *duty* berasaskan falsafah moral manusia. Justeru, *al-taklif* merupakan amanah yang dipimpin wahyu, manakala *duty* hanyalah amanah yang bersumberkan etika akal semata-mata (Muhammad Atiullah, 2015).

Konsep taklif bukanlah isu kecil atau perkara sampingan yang boleh diabaikan. Dalam pandangan Islam, ia merupakan tunjang utama penciptaan manusia. Allah S.W.T telah mentaklifkan manusia sebagai khalifah-Nya di muka bumi, yakni sebagai pengganti yang bertugas mentadbir serta memakmurkan alam ini dengan penuh keadilan. Tugas besar ini merupakan penghormatan yang tidak diberikan kepada makhluk lain seperti malaikat yang hanya bertasbih dan memuji Allah tanpa henti. Begitu juga dalam surah *al-Ahzab* (33:72), Allah menjelaskan bahawa amanah berat tersebut ditawarkan kepada langit, bumi dan gunung-ganang, namun semuanya menolak kerana menyedari keterbatasan kemampuan mereka, sedangkan manusia dengan segala kelemahannya sanggup memikul amanah itu. Ini menggambarkan betapa penting dan beratnya tanggungjawab taklif yang dipertanggungjawabkan kepada manusia.

Kesedaran terhadap peri pentingnya konsep taklif inilah yang akhirnya menginspirasi Affandi untuk menjadikannya asas utama dalam pembinaan *Gagasan Persuratan Baru*. Idea mengenai taklif ini bukanlah sesuatu yang asing dalam pemikiran beliau, malah telah mula digarap sejak penerbitan awal bukunya *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Dalam karya tersebut, beliau meletakkan taklif di bawah konsep hakikat insan, dengan menekankan falsafah penciptaan manusia termasuk tujuan kewujudan, cabaran serta tipu daya iblis terhadap manusia (Mohd Affandi, 2005). Dalam menghuraikan hal ini, beliau banyak berpegang kepada ayat-ayat al-Qur'an serta pandangan ulama terkemuka seperti Imam al-Ghazali dan Fazlur Rahman.

Idea awal tentang taklif tersebut kemudiannya menjadi kerangka yang lebih tersusun apabila Affandi mengembangkan gagasan *Persuratan Baru*. Gagasan ini merupakan sebuah pendekatan kesusasteraan Islami yang komprehensif dan sistematik, merangkumi aspek teori dan praktikal yang jelas (Ungku Maimunah, 2015). Dalam *Gagasan Persuratan Baru*, Affandi

memperincikan konsep-konsep utama secara berulang dan berlapis supaya mudah dikenal pasti serta diterapkan dalam proses penilaian karya sastera. Dalam konteks ini, taklif dijadikan asas falsafah yang menjelaskan hakikat manusia, amal, dan ilmu. Mohd Affandi (2014d) menegaskan:

“ Taklif merujuk kepada hakikat kejadian insan, peranan dan tugas insan, hakikat amal mereka, dan hakikat ilmu yang harus mereka fahami untuk memahami kejadian mereka, peranan dan tugas mereka, dan bagaimana amal perbuatan mereka akan dinilai. Taklif menentukan hubungan manusia dengan Tuhan Yang Maha Esa, hubungan sesama manusia dan makhluk lainnya, dan apakah ukuran yang tepat untuk menilai semua perilaku manusia. Apabila konsep taklif ini difahami, seseorang (terutama orang Islam) akan memahami mengapa orang Islam disuruh berselawat, dia akan mengenal makna hakiki perbuatan makruf dan mungkar, dia akan memahami mengapa membuang halangan di jalan suatu perbuatan terpuji dan diberi pahala, dia akan mengerti makna takwa dalam kehidupan insan, dan akan faham mengapa Prof. Fazlur Rahman berpendapat bahawa perbuatan yang baik itu ialah yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat, bukan tertumpu kepada diri sendiri semata-mata. Kerana itulah Imam Ghazali pernah berkata, seorang sufi tulen ialah yang bergerak di tengah-tengah masyarakat, bukan melarikan diri bersunyi-sunyi sendirian untuk menyelamatkan dirinya sahaja. Dengan memahami konsep taklif, seseorang akan memahami makna ikhlas, dengan itu dia dapat membezakan nilai Islam dengan nilai murni yang tidak sama dengan nilai Islam, walaupun semua nilai Islam adalah nilai murni, tetapi tidak sebaliknya.”

Petikan ini memperlihatkan bahawa taklif menurut Affandi ialah inti kepada peranan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah. Ia menentukan hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia, dan makhluk lain. Apabila seseorang benar-benar memahami konsep taklif, dia akan menginsafi tujuan penciptaan dirinya, memahami batas amal, serta menyedari balasan yang bakal diterima daripada setiap perbuatannya. Seseorang yang hidup dengan kesedaran taklif akan berusaha menjauhi kejahatan, menegakkan kebenaran, dan memberi manfaat kepada masyarakat di sekelilingnya.

Dalam hal ini, Affandi menegaskan bahawa manusia yang baik ialah mereka yang membawa perubahan positif dalam masyarakat dan menampilkan akhlak terpuji dalam setiap bidang, termasuk kesusasteraan. Justeru, Persuratan Baru digerakkan atas dasar bahawa sasterawan memikul tanggungjawab taklif untuk berdakwah melalui karya mereka. Sebaliknya, sasterawan yang mengabaikan amanah ini dianggap gagal memahami makna sebenar taklif dan menyalahgunakan anugerah ilmu serta bakat yang dikurniakan Allah S.W.T. Mohd Affandi (2014b) dengan tegas menyatakan bahawa:

“ Tunjang gagasan Persuratan Baru ialah konsep taklif, yang menghuraikan hakikat ilmu dan hakikat insan, yang kemudiannya menjelaskan hakikat seni dalam Islam. Manusia dalam konteks taklif adalah sejenis makhluk yang dijadikan Allah S.W.T, bukan hasil evolusi seperti yang diandaikan dalam

Darwinisme. Oleh itu, manusia bertanggungjawab kepada Penciptanya, bukan kepada alam tabii. Inilah prinsip yang paling utama tentang hakikat insan, yang hanya boleh difahami jika manusia menerima kebenaran wahyu dalam Al-Qur'an. Bagi orang Islam, hakikat ini tidak semestinya mereka terima, terutama di kalangan para sasterawan. Jika mereka terima, tentulah tidak timbul masalah yang kita hadapi dalam kesusasteraan Melayu moden, yang sangat jelas mencampurkan yang batil (palsu) dengan yang benar, yang baik dengan yang buruk, lantas menjadikan kesusasteraan itu wadah untuk menggambarkan kejahatan manusia. Menurut para sasterawan, kegiatan kreatif tidak harus disekat dengan peraturan jenis apa pun, kerana menurut mereka sifat sastera itu bebas, terbuka, tidak terikat kepada sebarang peraturan. Tanpa kebebasan demikian, tidak mungkin dicipta karya sastera yang bermutu."

Kenyataan ini menggambarkan pendirian tegas beliau bahawa taklif merupakan paksi utama dalam *Persuratan Baru*. Sebarang karya yang tidak berpaksikan taklif dianggap rapuh dan tidak bernilai dalam neraca Islam. Menurut beliau, karya yang dihasilkan tanpa kesedaran tanggungjawab dan amanah akan menjadi kosong, bersifat picisan, serta gagal membangunkan jiwa pembaca. Lebih parah lagi, apabila karya tersebut dihasilkan berasaskan teori Barat yang bertentangan dengan roh wahyu dan nilai Islam.

Dalam konteks ini, Affandi sering mengemukakan kritikan terhadap karya-karya yang diangkat sebagai "*masterpiece*" dalam kesusasteraan Melayu moden. Salah satu yang paling ketara ialah novel *Salina* karya A. Samad Said. Menurut Affandi, karya tersebut menampilkan kemaksiatan sebagai sesuatu yang tidak perlu dikutuk dan akhirnya mengelirukan masyarakat. Dengan menolak konsep taklif, karya sedemikian membuka ruang kepada nilai-nilai mungkar dan memperlihatkan pengaruh estetika Barat yang antiagama (Mohd Affandi, 2014d).

Bagi Affandi, penggambaran watak pelacur sebagai protagonis utama dalam *Salina* menunjukkan kelemahan dari segi prinsip dan nilai Islami. Walaupun ada sarjana yang menilai watak tersebut sebagai simbol kemanusiaan dan kebaikan, Affandi menegaskan bahawa pandangan itu hanya menampakkan kecantikan luaran yang palsu. Dalam pandangan Islam, wanita dimuliakan dan diangkat kedudukannya, justeru menggambarkan wanita sebagai objek eksploitasi, walau atas nama seni, tetap bertentangan dengan prinsip taklif. Kajian Mohd Zariat (2008) turut menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa tanpa perubahan moral watak utama, *Salina* hanya akan terus dianggap sebagai karya yang membela kejahatan.

Kesimpulannya, penerapan elemen taklif dalam *Persuratan Baru* merupakan usaha serius Mohd Affandi Hassan untuk mengembalikan kesusasteraan kepada landasan Islam yang sejati. Gagasan beliau bukan sekadar teori, tetapi satu seruan untuk memikul amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah dalam lapangan ilmu dan seni. Melalui penerapan taklif, karya sastera bukan sahaja menjadi wadah hiburan, tetapi medan pencerahan yang membentuk akal dan jiwa. Elemen taklif inilah yang akhirnya mencorakkan insan menjadi hamba yang beriman, berilmu, dan bermanfaat kepada seluruh umat manusia, sesuai dengan perintah Allah S.W.T yang mewajibkan setiap insan untuk menunaikan amanah tersebut dengan sebaik-baiknya.

Pengimplementasian Konsep Ilmu yang Benar sebagai Metode Asasi Kritikan dan Pengkaryaan

Setelah membincangkan elemen taklif sebagai prinsip utama dalam gagasan Persuratan Baru, bahagian ini menelusuri pula prinsip kedua yang diperjuangkan oleh Mohd Affandi Hassan, iaitu penerapan konsep ilmu yang benar. Secara umum, ilmu dapat ditakrifkan sebagai pengetahuan yang meliputi aspek duniawi dan ukhrawi, zahir dan batin (Kamus Dewan, 2013). Rahmah Ahmad (2010) pula memperincikan bahawa ilmu ialah sesuatu yang bertentangan dengan kejahilan dalam erti yang mutlak. Menurut beliau, kejahilan yang tidak bersandarkan kepada asas, fakta dan sumber yang sahih akan menyesatkan manusia daripada sumber ilmu tertinggi dalam Islam, iaitu al-Qur'an dan Hadith.

Islam menempatkan persoalan ilmu pada kedudukan yang amat tinggi dalam kehidupan manusia. Malah, wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW menekankan aspek pembacaan sebagaimana yang termaktub dalam Surah al-'Alaq (96:1). Melalui perintah ini, manusia digalakkan menuntut ilmu agar dapat membezakan antara kebaikan dan keburukan. Al-Qur'an juga menegaskan wujudnya perbezaan besar antara golongan berilmu dan yang tidak berilmu, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Zumar (39:9) dan Surah al-Mujadalah (58:11), yang menjelaskan bahawa Allah akan meninggikan darjat orang beriman dan berilmu beberapa tingkatan.

Meneladani perintah Allah S.W.T ini, Affandi melihat bahawa tuntutan terhadap penguasaan ilmu bukan sahaja suatu kewajipan individu, tetapi juga asas dalam pembentukan wacana sastera Islami. Hal ini menjadi dorongan utama beliau untuk meletakkan konsep ilmu yang benar sebagai antara prinsip teras dalam Persuratan Baru. Sebagai suatu gagasan kesusasteraan Islami, Persuratan Baru menekankan bahawa setiap aktiviti kritikan dan penghasilan karya perlu berlandaskan ilmu yang sahih dan bersumberkan wahyu. Affandi menjelaskan perkara ini dengan tegas: "Gagasan Persuratan Baru lahir di bumi intelektual Malaysia sebagai satu alternatif, mungkin yang terbaik, untuk menganalisis dan menilai karya kreatif, di samping memberi saranan konkrit bagaimana menulis karya-karya kreatif yang memberi tumpuan, secara sedar, kepada konsep ilmu yang benar." (Mohd Affandi, 2014c)

Dorongan utama Affandi untuk menggagaskan Persuratan Baru adalah kerana beliau menyedari betapa pentingnya penerapan konsep ilmu yang benar dalam setiap aspek kesusasteraan. Persoalan yang timbul, mengapa prinsip ini perlu ditegakkan? Jawapannya berpunca daripada fenomena kecelaruan yang melanda dunia kesusasteraan Melayu moden. Menurut Mohd Affandi (2014a), dalam tradisi moden, berlaku kekeliruan besar dalam kegiatan kritikan dan penilaian karya, terutamanya dalam pemilihan Sasterawan Negara. Beliau menegaskan bahawa proses pemilihan tersebut sering kali berasaskan ukuran Barat tanpa mengambil kira kesesuaian dengan nilai budaya Melayu dan Islam.

Sebagai contoh, beliau mempersoalkan pemilihan novel *Juara* karya S. Othman Kelantan yang mengetengahkan tema perlagaan lembu dan perjudian iaitu dua elemen yang jelas bertentangan dengan nilai Islam. Begitu juga dengan *Salina*, karya yang mengangkat watak "pelacur berhati mulia" sebagai teras penceritaan tetapi tetap diangkat sebagai karya agung. Affandi mempertikai kewajaran karya-karya sebegini diberi pengiktirafan tertinggi, kerana penilaiannya tidak berpaksikan Islam dan tidak berlandaskan ilmu yang benar (Mohd

Affandi, 2014a). Daripada situ, Affandi menyimpulkan bahawa krisis ini berpunca daripada kelemahan asas ilmu dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera Melayu. Dominasi teori dan pendekatan Barat telah menyebabkan perubahan drastik dalam landskap kesusasteraan tempatan iaitu daripada tradisi persuratan Islam kepada tradisi yang meniru acuan Barat. Beliau menjelaskan:

“Masalah yang dihadapi ialah masalah ilmu dan kelemahan besar dalam memahami konsep-konsep dan teori dalam kritikan... Keinginan untuk meniru dan memperkenalkan pendekatan Barat secara mentah terlalu besar... Sekiranya para pengkritik dan sarjana Islam tidak berpijak dalam tradisi keilmuan Islam... maka mereka akan berada dalam keaiban intelektual yang berterusan.” (Mohd Affandi, 2014a)

Dalam usaha mengembalikan semula peranan Islam dalam dunia kesusasteraan Melayu, Affandi menegaskan bahawa konsep ilmu yang benar perlu dijadikan asas dalam kedua-dua bidang iaitu kritikan dan penghasilan karya. Ini bermakna, pengkritik harus menilai karya berdasarkan epistemologi Islam, manakala pengarang pula wajib berkarya dengan menggarap nilai-nilai ilmu yang benar agar dapat membimbing masyarakat ke arah kebenaran. Secara prinsipnya, menurut Affandi, terdapat dua bentuk entiti ilmu yang sangat berbeza dari segi sumber dan prinsip yang mendasarinya iaitu ilmu yang bersumberkan wahyu dan ilmu yang berpaksikan akal semata-mata. Dalam konteks Islam, sumber ilmu amat jelas, iaitu berpunca daripada Allah S.W.T, para Nabi dan Rasul, serta ulama yang meneruskan perjuangan kenabian. Sumber-sumber ini berpaksikan al-Qur'an dan Hadith, yang menjadi asas kepada kebenaran ilmu. Sebaliknya, dalam tradisi Barat, sumber ilmu sering kali berasaskan mitos, khayalan, dan pemikiran sekular yang bertentangan dengan konsep ilmu menurut Islam.

Affandi mengaitkan tradisi ilmu Barat dengan kisah mitos popular *Doctor Faustus*, yang menggambarkan seorang ahli sihir sanggup mengabdikan dirinya kepada Iblis demi mendapatkan ilmu sihir secara langsung daripada makhluk tersebut (Mohd Affandi, 2014b). Dalam penjelasannya, Affandi menegaskan bahawa mitos ini bukan sekadar cerita, tetapi mencerminkan falsafah ilmu Barat yang berpaksikan pemberontakan terhadap Tuhan dan pemujaan terhadap kuasa ilmu yang bebas daripada wahyu. Beliau menulis:

“Dalam Islam sumber ilmu itu sangat jelas, iaitu Allah SWT sendiri, para Nabi dan Rasul, para ulama yang mengikut jejak Rasul itu, dan sumber-sumber lain yang diakui oleh Islam. Dalam sastera Barat, terdapat satu dongeng yang sangat terkenal tentang seorang ahli sihir yang bersetia dengan Iblis untuk menjadi hambanya... Dalam dongeng tentang Doctor Faustus ini ditegaskan bahawa sumber ilmu dalam tamadun Barat ialah iblis... Jika masalah sumber ilmu ini tidak diberi perhatian, maka kritikan sastera Melayu moden akan dimasuki unsur karut yang boleh menyesatkan...” (Mohd Affandi, 2014b)

Daripada huraian ini, jelas wujud pemisahan yang ketara antara dua tradisi ilmu tersebut. Ilmu dalam Islam berpaksikan wahyu yang mutlak dan membawa manusia kepada kebenaran serta ketundukan kepada Allah. Manakala ilmu Barat berasaskan rasionalisme dan

hedonisme, yang menjadikan akal dan nafsu sebagai ukuran kebenaran. Ungku Maimunah (2010) turut menyentuh kepincangan ilmu dalam tradisi Barat, yang menurut beliau berpunca daripada penolakan terhadap agama dan kebergantungan mutlak kepada teori-teori manusia. Barat memuliakan pelbagai pendekatan seperti psikoanalisis, Marxisme, strukturalisme, pascamodenisme, pasca kolonialisme dan sebagainya yang semuanya bersumberkan nilai dan ideologi yang bersifat materialistik serta anti-agama. Akibatnya, pendekatan-pendekatan ini menjejaskan autoriti agama dalam wacana kesusasteraan dan menggantikan nilai kerohanian dengan elemen keseronokan serta hawa nafsu (Ungku Maimunah, 2010).

Menyedari kesan buruk pengaruh ini, Affandi melihat perlunya suatu usaha pembetulan terhadap pemikiran dan arah tuju kesusasteraan Melayu. Maka, beliau memilih untuk mengimplementasikan konsep ilmu yang benar bukan sekadar sebagai teori, tetapi juga melalui karya sasteranya sendiri. Usaha ini menjadi manifestasi sebenar gagasan Persuratan Baru bukan hanya di peringkat teori, tetapi juga dalam bentuk pengucapan kreatif yang membawa nilai keilmuan dan kesedaran taklif.

Dalam usaha mempraktikkan konsep ilmu yang benar ke dalam bidang kreatif, Affandi menampilkan pendekatan tersebut secara nyata dalam karya agungnya, *Pujangga Melayu*. Karya ini bukan sekadar sebuah novel biasa, tetapi merupakan wadah falsafah dan pemikiran yang menjelmakan gagasan Persuratan Baru secara menyeluruh. Melalui watak, jalan cerita, dan struktur naratifnya, Affandi menzahirkan bagaimana ilmu yang benar menjadi pemandu kepada tindakan dan nilai yang lahir daripada kesedaran taklif manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Dalam *Pujangga Melayu*, persoalan ilmu, makna, dan tanggungjawab moral menjadi teras penceritaan. Pengarang tidak lagi menulis semata-mata untuk menghibur, tetapi untuk mendidik jiwa dan akal manusia agar mengenal hakikat kebenaran. Setiap dialog, perwatakan, dan peristiwa dalam karya tersebut disusun sebagai wahana yang mengajak pembaca berfikir tentang hubungan manusia dengan Allah, dengan ilmu, dan dengan tanggungjawabnya di dunia. Inilah yang dimaksudkan oleh Affandi sebagai pengembalian fungsi sebenar kesusasteraan iaitu bukan sekadar alat hiburan, tetapi medan penyampaian ilmu yang benar dan bermakna.

Affandi turut menolak konsep karya yang berasaskan khayalan kosong atau ilusi yang menyeleweng daripada hakikat ilmu. Menurut beliau, karya sedemikian hanyalah bayangan dunia palsu yang melalaikan manusia daripada tugas asalnya sebagai hamba dan khalifah. Justeru, beliau menegaskan bahawa penghasilan karya hendaklah berasaskan kepada ilmu yang benar, iaitu ilmu yang membawa manusia mengenal Allah dan mengukuhkan keimanannya. Hanya dengan pendekatan sebegini, karya sastera akan mencapai tahap persuratan, bukan sekadar sastera hiburan.

Dalam konteks ini, Affandi mengkritik tradisi kesusasteraan moden yang terlalu dipengaruhi oleh ideologi Barat seperti humanisme, sekularisme, dan eksistensialisme. Beliau berpandangan bahawa apabila karya sastera kehilangan panduan wahyu, maka ia akan tersesat dalam dunia pemikiran yang memuja manusia, bukannya Tuhan. Hal ini menyebabkan sastera moden sering terperangkap dalam konflik nilai iaitu antara keindahan yang palsu dengan kebenaran yang hakiki. Oleh itu, gagasan Persuratan Baru yang dibawa Affandi berperanan untuk memulihkan semula nilai ilmu dan makna dalam dunia penulisan, agar sastera kembali berfungsi sebagai alat penyebaran hikmah dan kebenaran.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini menggariskan bahawa setiap penulis dan pengkritik mesti menjadikan konsep ilmu yang benar sebagai neraca utama dalam menilai dan menghasilkan karya. Ilmu yang benar tidak sekadar membentuk cara berfikir, tetapi juga menentukan nilai dan tujuan sesuatu penulisan. Dalam kerangka ini, sastera yang berasaskan ilmu yang benar akan menjadi sastera yang berperanan iaitu sastera yang mengajak manusia kepada kebenaran, memperkukuh iman, dan menzahirkan hakikat kehidupan yang tunduk kepada Allah SWT.

Dengan demikian, mengimplementasikan konsep ilmu yang benar dalam gagasan Persuratan Baru bukan sahaja menegakkan satu sistem pemikiran Islam yang kukuh dalam bidang kesusasteraan, tetapi juga membuka jalan kepada pembentukan tradisi keilmuan Melayu-Islam yang berteraskan wahyu dan akal yang seimbang. Prinsip inilah yang akhirnya menjadi tunjang perjuangan Affandi iaitu mengangkat kembali martabat persuratan Islam melalui penyatuan ilmu, makna dan taklif dalam satu kerangka yang menyeluruh dan berpaksikan kebenaran Ilahi.

Penggemblengan Siratan Makna yang Halus dan Indah

Prinsip ketiga yang menjadi pegangan utama Mohd Affandi Hassan dalam gagasan Persuratan Baru berkait rapat dengan usaha memperkukuh penulisan dan pengkaryaan yang sarat dengan makna mendalam, halus, dan indah. Dalam hal ini, Affandi memperkenalkan satu konsep penting yang dinamakan *stylization of ideas* atau siratan makna, hasil daripada penelitian beliau terhadap istilah yang paling sesuai untuk menggambarkan konsep tersebut dalam bahasa Melayu. Menurut Affandi, istilah “siratan makna” diambil setelah beliau meneliti beberapa konsep seni tradisional Melayu seperti seni tenunan, anyaman dan pembuatan batik, yang mempunyai istilah seperti ragi (corak atau warna kain), kelarai (corak tenunan atau anyaman), dan sirat (tekatan atau jalinan pada bakul, raga, dinding, jala dan sebagainya). Berdasarkan pemerhatian terhadap istilah-istilah seni tersebut, beliau memilih “siratan makna” kerana “sirat” menggambarkan kemahiran yang menghasilkan sesuatu yang bukan sahaja berguna tetapi juga indah iaitu “*practical and beautiful*”.

Dalam proses penterjemahan itu, Affandi menolak makna lazim bagi perkataan *style* yang hanya difahami sebagai gaya bahasa atau unsur retorik seperti perbandingan dan kiasan. Bagi beliau, gaya sedemikian hanyalah bentuk permainan bahasa yang bersifat kosmetik dan tidak membawa nilai ilmu atau pemikiran yang tinggi. Sebaliknya, gaya yang diutamakan dalam Persuratan Baru ialah gaya yang lahir daripada kesedaran tanggungjawab, penguasaan ilmu, serta penggunaan bahasa yang rasional, padat, dan tepat sehingga mampu menghasilkan makna yang mendalam. Melalui konsep *stylization of ideas*, Affandi menegaskan bahawa gaya penulisan sebenar bukan sekadar hiasan bahasa, tetapi satu bentuk pengucapan ilmiah yang mengandungi nilai pemikiran dan ilmu, serta menolak isi cerita yang tidak memberikan manfaat terhadap makna karya.

Kemunculan konsep *stylization of ideas* juga merupakan reaksi Affandi terhadap kelemahan yang beliau kesan dalam dunia kesusasteraan Melayu moden, khususnya sejak zaman Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50). Menurut beliau, pergerakan ini telah menimbulkan penyelewengan bahasa melalui penerbitan dan karya kreatif sasterawan angkatan tersebut. Hal

ini mencapai kemuncaknya dengan penerbitan novel *Shit* oleh Shahnnon Ahmad yang dianggap sebagai lambang kerosakan bahasa dan pemikiran dalam kesusasteraan Melayu. Affandi turut mengkritik keras karya tersebut kerana sarat dengan kata-kata kesat, lucu, dan bersifat emosi tanpa nilai ilmu. Beliau melihatnya sebagai lambang kepada kejatuhan mutu estetika dan pemikiran sastera yang hanya mementingkan sensasi, bukan makna atau renungan yang bernas. Begitu juga dengan karya S. Othman Kelantan yang menurutnya memperagakan keindahan bahasa yang dangkal, seperti ayat “*Dia memuncungkan mulutnya seperti jubur ayam yang baru lepas berak,*” yang disifatkan Affandi sebagai keindahan palsu dan rendah nilai maknanya.

Kritikan Affandi terhadap *Shit* juga menjelaskan pandangan beliau bahawa karya yang menggunakan bahasa kesat dan lucu bertentangan dengan prinsip Persuratan Baru, khususnya dengan konsep *stylization of ideas*. Prinsip ini menuntut pengarang untuk menulis dengan penuh kesedaran, menggunakan teknik dan kaedah penulisan yang dapat melahirkan karya sarat dengan ilmu, pemikiran, serta keindahan makna yang mendalam. Dalam pandangan Affandi, karya yang digerakkan oleh emosi dan hawa nafsu tidak dapat mencapai taraf keilmuan dan keindahan yang sebenar dalam sastera Islam.

Sebagai langkah pembaikan terhadap kelemahan tersebut, Affandi menegaskan kepentingan *stylization of ideas* sebagai prinsip utama Persuratan Baru. Beliau menjelaskan bahawa gaya penulisan yang sebenar perlu bersifat ilmiah dari segi isi, namun indah dari segi penyampaian. Mengambil pandangan Goethe dan Richard M. Ohmann, Affandi menjelaskan bahawa *style* merupakan “*epistemic choices*”, iaitu pemilihan berasaskan ilmu yang mencerminkan keupayaan intelektual dan seni seorang pengarang. Oleh itu, pengarang perlu berhati-hati dalam memilih kata dan membina ayat agar mampu memperkenalkan konsep dan persekitaran pemikiran dalam karya, sehingga pembaca yang kritis dapat menyingkap makna dan keindahannya secara mendalam.

Affandi turut mempraktikkan konsep ini dalam karya beliau sendiri, terutamanya novel *Aligupit*. Menurut beliau, *Aligupit* tidak berstruktur seperti novel konvensional, sebaliknya dibina berasaskan *dialogidea*, iaitu perbualan antara idea dan pemikiran. Setiap bab atau *tirai* dalam *Aligupit* boleh dibaca secara bebas iaitu dari awal, pertengahan atau akhir seperti corak awan larat dalam seni ukir Melayu. Setiap bahagian berdiri sendiri tetapi saling melengkapi dalam membentuk makna keseluruhan. Konsep “tirai” menggantikan “bab” sebagai lambang sesuatu yang tersembunyi dan hanya terungkap apabila dibuka, selaras dengan simbolisme estetika Islam yang bersifat halus dan mendalam.

Secara asasnya, *stylization of ideas* menekankan keindahan makna sebagai teras dalam penghasilan karya. Keindahan ini tidak hanya diukur melalui bentuk bahasa, tetapi melalui keupayaan karya menyampaikan makna tersirat yang bernilai ilmu dan akal budi. Dalam tradisi Islam, Al-Qur’an merupakan sumber utama keindahan dan ilmu. Keindahan makna dalam Al-Qur’an dapat disingkap melalui tiga cabang ilmu balaghah iaitu *al-ma’ani*, *al-bayan*, dan *al-badi’* seterusnya membuktikan keagungan gaya dan kemukjizatan kalamullah. Affandi mencontohkan ayat 24 daripada Surah al-Isra’ yang menyeru manusia berbuat baik kepada ibu bapa. Beliau meneliti perkataan “*janah*” (sayap) dalam ayat tersebut dan mengaitkannya dengan sifat lembut seekor burung yang menurunkan sayapnya perlahan-lahan kepada anak-anaknya sebagai lambang kasih sayang. Melalui perumpamaan ini, Affandi menyingkap makna mendalam yang tersirat iaitu bagaimana manusia juga harus memperlakukan ibu bapa dengan penuh kasih dan kelembutan. Penyingkapan makna ini menunjukkan bagaimana *stylization of*

ideas berfungsi sebagai pendekatan untuk memahami keindahan tersirat dalam teks suci dan menjadikannya asas kepada penghasilan karya yang berilmu dan bernilai tinggi.

Secara keseluruhannya, konsep *stylization of ideas* atau *siratan makna* merupakan prinsip penting dalam Persuratan Baru yang menekankan usaha memperhalus penulisan supaya sarat dengan ilmu, pemikiran, dan keindahan makna. Melalui prinsip ini, Affandi berusaha mengubah paradigma penulisan sastra Melayu daripada bersifat picisan kepada satu bentuk kesusasteraan yang luhur, berilmu dan berteraskan taklif. Penerapan konsep ini dalam karya beliau seperti *Aligupit* dan *Pujangga Melayu* membuktikan kesungguhan Affandi untuk melahirkan sastra yang bukan sahaja indah dari segi bahasa, tetapi juga halus, bermakna, dan berakar pada nilai Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, gagasan Sastra Islami yang diasaskan oleh Mohd Affandi Hassan melalui konsep Persuratan Baru merupakan satu usaha besar untuk mengembalikan martabat sastra kepada landasan ilmu dan tanggungjawab keagamaan. Gagasan ini bukan sekadar reaksi terhadap kelemahan aliran sastra moden yang berorientasikan hiburan dan emosi semata-mata, tetapi merupakan satu bentuk pencerahan intelektual yang berpaksikan akidah, ilmu dan taklif sebagai asas penilaian dan penghasilan karya.

Affandi menegaskan bahawa sastra seharusnya berperanan sebagai medium penyampaian ilmu yang benar dan wasilah pengabdian kepada Allah, bukannya alat untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu atau kepuasan estetika semata-mata. Melalui pendekatan ini, karya sastra dituntut untuk mengandungi makna yang mendalam, halus dan indah, di samping memperlihatkan tanggungjawab moral dan spiritual pengarang terhadap masyarakat dan Tuhannya. Dengan demikian, Persuratan Baru dapat dianggap sebagai satu manifestasi kesedaran intelektual Islam dalam bidang kesusasteraan Melayu, yang berusaha memurnikan semula fungsi sastra selaras dengan *worldview* Islam. Ia menuntut pengarang untuk menulis dengan kesedaran ilmu, keimanan, dan amanah, agar sastra benar-benar menjadi wahana pembangunan akal budi dan penyebaran kebenaran Ilahi.

Rujukan

- Kamus Dewan*. (2013). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan. (2005). Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Affandi Hassan. (2014a). Kegagalan Kritikan Sastra Membina Tradisi Berasaskan Konsep Ilmu Yang Benar. Dlm. Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (pnyt). Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua, hlm. 73-88. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. (2014b). Beberapa Pandangan Umum. Dlm. Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (pnyt). Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua, hlm. 89-158. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Affandi Hassan. (2014c). Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti Intelektualisme, Hasad, Pandirisme. Dlm. Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (pnyt). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*, hlm. 233-295. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Affandi Hassan. (2014d). Pengalaman Kreatif Mohd Affandi Hassan. Dlm. Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (pnyt). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*, hlm. 201-232. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizal Musa. (2015). *Gagasan Sastera Islam Oleh S. Othman Kelantan Dan Beberapa Pengarang Lain*. Dlm. Zuliskandar Ramli & Adi Baharudin (pnyt). *Warisan Kelantan XXXIV*, hlm. 14-40, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). 'Wacana' dan 'cerita' dalam novel Pujangga Melayu oleh Mohd Affandi Hassan. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 16(2), 187-201.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2014). Antara Taklif Dan Paksi Naratif: Satu Analisis Terhadap Novel Salina Karya A. Samad Said Berdasarkan Persuratan Baru. Dlm. Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani (pnyt). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*, hlm. 420-456. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Atiullah Othman. (2015). *Elemen tanggungjawab menurut Ibnu Taymiyyah dan Immanuel Kant*. Tesis Dr.Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Ahmad H. Osman. (2010). *Sejarah Tradisi Sastera Arab dan Islam: Fokus Kepada Sastera Sebagai Sumber Ilmu*. Dlm. Ungku Maimunah Mohd Tahir (pnyt). *Kedudukan Ilmu Dalam Kesusasteraan Teori & Praktis*, hlm. 19-82. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2010). Takrif Dan Pemahaman 'Ilmu' Dalam Tradisi Sastera Barat. Dlm. Ungku Maimunah Mohd Tahir (pnyt). *Kedudukan Ilmu Dalam Kesusasteraan Teori & Praktis*, hlm. 159-287. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2015). Persuratan baru: an alternative paradigm to western literary methodologies. *Asiatic*, 9(1), 160-176.